

DATE: 5 / 12 / 2009

Nasihat Dr. Mahathir kepada pemimpin MCA

UM - 5/12/09

Jangan sayang diri sendiri

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH
utusankedah@utusan.com.my

LANGKAWI 4 Dis. – Pemimpin-pemimpin MCA perlu mengutamakan kepentingan peribadi bagi mengatasi kemelut berpanjangan yang melanda parti itu, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad (gambar).

Bekas Perdana Menteri itu berkata, mereka mesti meletakkan kepentingan parti, bangsa dan negara melebihi perasan sayang pada diri sendiri supaya MCA kembali berada pada landasan yang betul dan menjuarai hati rakyat.

“Sayang kepada MCA, sayang kepada kaum sendiri dan sayang kepada negara. Jangan sayang diri sendiri,” katanya.

Beliau ditemui pemberita ketika mengadakan lawatan sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2009 di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu ditanya mengenai nasihatnya terhadap MCA yang menghadapi kemelut dalaman pada masa ini.

Kemelut MCA berlarutan apabila mesyuarat agung luar biasa (EGM) parti itu Oktober lalu meluluskan

“ Mereka mesti meletakkan kepentingan parti, bangsa dan negara melebihi perasan sayang pada diri sendiri supaya MCA kembali berada pada landasan yang betul dan menjuarai hati rakyat

– **TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**
Bekas Perdana Menteri

usul undi tidak percaya terhadap Presidennya, Datuk Seri Ong Tee Keat dan Timbalan Presidennya, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek yang dipecat daripada jawatan tersebut gagal mendapat semula jawatannya.

Ekoran itu, Naib Presidennya, Datuk Seri Liow Tiong Lai dilantik Timbalan Presiden. Bagaimanapun selepas itu Soi Lek disahkan oleh Pendaftaran Pertubuhan masih memegang jawatan tersebut.

Kelmarin, ahli Jawatankuasa Pusat (CC) MCA bersetuju menangguhkan mesyuarat agung tahunan (AGM) yang dijadual hari ini

dan esok demi menjaga perpaduan dan kestabilan parti.

Selain AGM, semua pihak juga bersetuju dengan keputusan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji sama ada perlu pemilihan baru diadakan.

